



GALERI – MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG ANGGOTA PEKERJA SEMPENA HARI PEKERJA & MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJAH PKNP 2024



GALERI – MAJLIS PENYERAHAN MASJID KAMPUNG LIPAT KAJANG, TEMERLOH, PAHANG



Edisi Redaksi

PENANGUNG / PENASIHAT
Puan Nur Hafizah dan Jafar
KETUA PELAKSANA EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Team Haji Mohd Ibrahim
dan Hafizah

KETUA EDITOR
Enche. Abu Harroqaz Saaban
dan Hafizah Harroqaz Saaban

GRAFIK
Puan Saifulhaq Nur Hafizah
dan Hafizah

JURUFOTO
Enche. Muhammad Farid
dan Hafizah Saaban

Firman Allah S.W.T. "Daripada Abu Sa'Id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kekusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No. 5641, Muslim, No. 2573, at-Tirmidzi, No. 966, Ahmad, No. 7684, 8070, 10714)

MEI 2024
Kepercayaan, Kesetiaan dan Kepuasan
PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknk.gov.my



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG ANGGOTA PEKERJA SEMPENA HARI PEKERJA & MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJAH PKNP 2024

Kuantan, 4 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP bertemakan Hari Pekerja iaitu "Pekerja Kesuma Bangsa" di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan baru - baru ini.

Dalam ucapmentanya, disamping mengekalkan disiplin diri yang baik beliau juga menekankan peripentingnya integriti serta terus penambahbaikan momentum sedia ada dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam.

Majlis pada hari ini turut melibatkan penyerahan sijil penghargaan Ahli Jawatan Kuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi sesi yang lalu seramai 20 anggota dan juga walikah pelantikan Ahli Jawatan Kuasa MBJ yang baharu bagi sesi tahun 2024 hingga 2026.

Kemuncak majlis adalah penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kepada 8 orang anggota pekerja PKNP yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2023.

Di samping itu juga, majlis juga meraikan bakal Hajah PKNP, Puan Salwa binti Mohd Kasim daripada Bahagian Khidmat Perundangan.

Seramai hampir 150 orang anggota pekerja PKNP yang hadir pada majlis hari tersebut.



Pengutusan Terlinggi PKNP bersama-sama Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP



Sesi Penyerahan Sumbangan Bakal Hajah PKNP kepada Pengurus Bahagian Khidmat Perundangan

PKNP MENGADAKAN LAWATAN KERJA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KE MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP menyampaikan taklimat lawatan kerja

Kuantan, 7 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah mengadakan Lawatan Kerja Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ke Majlis Bandaraya Kuantan (MBK).

Objektif lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai KIK, berkongsi pengalaman dan menimba ilmu hasil daripada KIK yang telah dibudayakan oleh anggota pekerja MBK. Seramai 19 orang anggota pekerja telah menghadiri lawatan ini yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengurus-Pengurus Bahagian/Unit dan pegawai-pegawai PKNP.

Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP telah mengemudi Lawatan Kerja ini dan disambut oleh Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin, Pengarah Jabatan Perbandarajaan; Puan Norkamawati binti Kamal, Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat; serta ahli-ahli KIK MBK yang terlibat.

Diharapkan lawatan kerja ini dapat memberikan inspirasi dan cetusan idea bagi menghasilkan projek KIK yang berdaya maju, berinovatif dan kreatif selain dapat mengeratkan lagi ukhwah di antara PKNP dengan MBK pada masa akan datang.



Pengarah Jabatan Perbandarajaan Majlis Bandaraya Kuantan turut mengulangi-kedatangan PKNP



Barisan Peserta Lawatan Kerja KIK bergambar bersama-sama Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat MBK sebagai tanda kenang-kenangan

MAJLIS PENYERAHAN MASJID KAMPUNG LIPAT KAJANG, TEMERLOH, PAHANG

Kuantan, 17 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH.Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Masjid Kg. Lipat Kajang di Temerloh, Pahang.

YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapan beliau telah merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan pembangunan masjid ini yang mana telahpun boleh digunakan oleh penduduk kampung untuk solat berjemaah.

Tambah beliau, projek yang berjumlah RM 1.87 juta ini diharapkan dapat dimarahkan dari semasa ke semasa oleh penduduk setempat.

Turut hadir pada sesi penyerahan Masjid Kg Lipat Kajang adalah Jurutera Daerah Temerloh, Tuan Haji Mohd Pozi bin Sulaiman, wakil-wakil ketua jabatan serta pengurus/ pegawai PKNP yang terlibat.



Masjid Kampung Lipat Kajang, Temerloh, Pahang kini dibuka untuk penduduk sekitar



Ketua Pegawai Eksekutif menyampaikan ucapan taklimat bagi sesi penyerahan



Perjanaan penyerahan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

PENJENAMAAN SEMULA PKNP TENUN PAHANG SOI



Kuantan, 16 Mei - Berikutnya penjenamaan semula Tenun Pahang Soi bermula tahun 2024. Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) kini dikenali sebagai PKNP Tenun Pahang Soi Sdn. Bhd.

Justeru, bermula 15 Mei 2024, PKNP Tenun Pahang Soi memperkenalkan logo baharu yang menampilkan elemen colek bunga pekan serta penggunaan warna emas dan hitam sebagai warna rasmi PKNP Tenun Pahang Soi.

Sebarang urusan lawatan dan pertanyaan boleh diemellan ke pknptenunpahangsoi@gmail.com.

Boleh juga hubungi : Puan Zila (011 - 2560 8816) & Puan Syuhadah Md Yusoff (018 - 374 9868)

MAJLIS SERAHAN SUMBANGAN ZAKAT PKNP KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) INTEGRASI (INTEK) KUANTAN



Penyerahan cek sumbangan wang wakalah zakat kepada murid-murid asnaf SBP Integrasi Kuantan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP



Seramai 100 orang murid asnaf telah menerima sumbangan zakat PKNP

Kuantan, 20 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar pada hari ini telah hadir ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi Kuantan (INTEK) bagi Sesi Penyerahan Zakat PKNP kepada Murid-Murid Asnaf di sekolah tersebut.

Dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh beliau, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah berpesan kepada anak-anak INTEK agar menitikberatkan beberapa perkara ke arah mencaip kecermerlangan dalam pelajaran antaranya adalah tidak meninggalkan solat fardu, patuh kepada ibu bapa serta menghormati guru-guru.

Selain itu, beliau turut mengambil kesempatan memohon supaya guru-guru dan anak-anak di INTEK untuk mendoakan PKNP agar terus membuat keuntungan pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang agar dapat membantu lebih banyak golongan-golongan yang memerlukan di Negeri Pahang.

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka. Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP diiringi Yang Dipertua PIBG, Tuan Haji Amirudin bin Haji Arifin. Turut hadir mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP adalah Pegawai Perhubungan Korporat PKNP, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

